


Pengenalan

INPENS International College ditubuhkan pada 19 September 1993 dan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi sulung yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Lokasi di Daerah Kuala Selangor iaitu sebuah daerah yang terkenal dengan tempat menarik untuk dilawati seperti Bukit Melawati dan Kelip-kelip di Kg Kuantan.

Demi melahirkan tenaga kerja mahir INPENS kini menjalankan kursus kemahiran di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran.



- INPENS menjalankan kursus kemahiran berdasarkan pembelajaran berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan atau National Occupational Skill Standards (NOSS). Pelajar yang mengikuti pembelajaran yang berteraskan NOSS akan berpengetahuan teknikal yang berteraskan keperluan pekerjaan, berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran industri di dalam negara dan peringkat antarabangsa.
- Kursus yang berteraskan teknikal ini juga diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia dan mutu dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Pelajar yang lulus akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil INPENS International College.